

44  
NO. SOALAN : 119

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK**  
**[KUALA PILAH]**

**SOALAN**

**Dato' Sri Hasan Bin Malek** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan perancangan, strategi dan langkah Kerajaan bagi memperkukuhkan lagi keberkesanan Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan terutamanya dalam sektor perniagaan.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Dasar Teknologi Hijau Negara (DTHN) yang dilancarkan pada 24 Julai 2009 memberikan penekanan kepada pemeraksanaan teknologi hijau negara dalam agenda pembangunan ekonominya. Dasar ini telah membuka lembaran baru dalam usaha Malaysia untuk menangani isu alam sekitar, perubahan iklim, penggunaan tenaga boleh baharu dan kecekapan tenaga disamping mewujudkan potensi perniagaan dalam industri berasaskan teknologi hijau. Matlamat jangka sederhana DTHN melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK 11) adalah menjadikan teknologi hijau sebagai pilihan utama dalam perolehan produk dan perkhidmatan dan peningkatan pengeluaran produk hijau oleh industri tempatan.

2. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah melaksanakan Program MyHIJAU pada tahun 2012 untuk membangunkan keupayaan dan kemahiran pihak industri untuk menghasilkan lebih banyak produk dan perkhidmatan hijau yang berdaya saing. Kementerian telah melaksanakan program pembangunan usahawan bersepadu iaitu Program MyHIJAU. Objektif utamanya adalah

46

untuk memberi khidmat nasihat dan bimbingan, membangunkan keupayaan syarikat serta membantu usahawan tempatan dalam mendapatkan pensijilan hijau bagi produk dan perkhidmatan mereka. Sehingga Februari 2018, sebanyak 7,136 produk tempatan telah mendapat pengiktirafan hijau meliputi:

- a. Barangan elektrik: seperti penyaman udara, televisyen, peti sejuk, kipas dan lampu cekap tenaga;
- b. Barangan pembinaan: seperti cat, simen, panel, bahan pelekat dan sebagainya; dan
- c. Barangan pengguna: seperti bahan pencuci biodegradasi, alat tulis, tekstil.

3. KeTTHA dan Kementerian Kewangan sedang melaksanakan inisiatif Perolehan Hijau Kerajaan (*Government Green Procurement - GGP*) untuk menggalakkan penggunaan produk hijau di Sektor Awam. Pelaksanaan GGP akan meningkatkan nilai tambah dan daya saing produk tempatan sekaligus menjana sumber pendapatan baru ekonomi negara. GGP telah dilaksana mulai tahun 2013 secara berperingkat bagi memberikan pendedahan dan pemahaman berkaitan kaedah pelaksanaan perolehan hijau. Sehingga Disember tahun 2017, melalui pelaksanaan inisiatif GGP yang melibatkan semua kementerian dan

agensi telah melaksanakan mencecah **RM775 juta** bagi 20 kumpulan produk terpilih.

4. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) yang diperkenalkan pada 1 Januari 2010 merupakan skim jaminan Kerajaan kepada institusi kewangan yang mengambil bahagian dalam mengeluarkan pinjaman kepada syarikat tempatan yang layak untuk menjalankan projek teknologi hijau. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM3.5 bilion sehingga 31 Disember 2017. Sebanyak 319 projek telah berjaya mendapat kelulusan pembiayaan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM3.68 bilion. Pelaksanaan GTFS telah berjaya mewujudkan sebanyak 5,265 peluang pekerjaan dalam bidang teknologi hijau dan pengurangan 3.784 juta tCO<sub>2</sub>e/year karbon dioksida setelah semua projek tersebut beroperasi sepenuhnya. Pelaksanaan GTFS juga telah menarik pelaburan sebanyak RM7.053 bilion dalam bidang Teknologi Hijau. Untuk memastikan projek pembangunan industri teknologi hijau yang berpotensi terus mendapat sokongan pembiayaan dan dimanfaatkan oleh Industri Kecil dan Sederhana (IKS), YAB Perdana Menteri semasa Bajet 2018 telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM5 bilion untuk pelaksanaan GTFS 2.0 bagi tempoh 2018 - 2022.

6. Insentif Cukai Teknologi Hijau telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Bajet 2014 bertujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi hijau di Malaysia dengan merancakkan perolehan dan pembelian teknologi oleh sektor swasta serta menyokong pembangunan industri hijau di dalam sektor pembekalan dan perkhidmatan. Melalui pengenalan Insentif Cukai Teknologi Hijau ini, Kerajaan akan memberi *Investment Tax Allowance (ITA)* bagi sebarang pembelian aset/peralatan teknologi hijau dan *Income Tax Exemption (ITE)* bagi pembekal perkhidmatan teknologi hijau.

Tuan Yang Dipertua,

7. KeTTHA juga telah membangunkan Pelan Induk Teknologi Hijau (*Green Technology Master Plan - GTMP*) 2017-2030 yang telah dilancarkan pada 12 Oktober 2017. GTMP menetapkan pelaksanaan 5 teras strategik bagi menyediakan ekosistem yang kondusif untuk memperkukuhkan peranan teknologi hijau dan ekosistem hijau iaitu promosi dan kesedaran, *market enablers*, pembangunan modal insan, penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) dan kerangka institusi. GTMP menyediakan rangka kerja untuk membantu mengarusperdanakan teknologi hijau agenda pembangunan negara khas bagi enam (6) bidang ekonomi utama iaitu tenaga, bangunan, pembuatan,

pengangkutan, pengurusan sisa dan pengurusan air. Pelaksanaan GTMP membolehkan industri berasaskan teknologi hijau tempatan menyumbang sebanyak RM60 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menjelang tahun 2030 manakala pelaburan dijangka meningkat kepada RM94.3 bilion dan mewujudkan 211,500 peluang pekerjaan pada tahun yang sama.

Sekian, terima kasih

